

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1128047/firma-pemodal-teroka-berpengaruh-mahu-labur-di-malaysia>

Firma pemodal teroka berpengaruh mahu labur di Malaysia



Rafizi semasa mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura pada 14 Julai lalu - Foto ihsan Kementerian Ekonomi

KUALA LUMPUR: Kementerian Ekonomi menerima maklum balas yang amat menggalakkan daripada firma-firma pemodal teroka yang paling berpengaruh dalam dunia syarikat pemula seperti GGV, Iterative VC, TPG Global, East Ventures, Insignia Ventures Partners, dan Openspace Ventures berikutan usaha untuk membangunkan ekosistem syarikat pemula di negara ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata semasa lawatannya ke Singapura pada 14 Julai lalu, salah satu daripada firma pemodal teroka yang hadir pada sesi dihoskan oleh K3 Ventures dan Bloomberg mengumumkan hasrat untuk membuka cawangan di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

"Kementerian Ekonomi akan mengadakan sesi libat urus dengan firma pemodal teroka dan pengasas yang berpengalaman dengan lebih kerap lagi untuk menzahirkan cita-cita negara untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula serantau," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JMCIM) Ke-16.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Negara (Singapura), Desmond Lee; Pemangku Menteri Pengangkutan (Singapura), Chee Hong Tat dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Rafizi berkata, beliau juga berpeluang untuk berjumpa dengan pemain industri strategik di Singapura termasuk syarikat-syarikat semikonduktor antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam komponen 'front-end', 'back-end', dan reka bentuk.

Beliau berkata, Kementerian Ekonomi, bersama Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengadakan sesi dialog dengan syarikat-syarikat semikonduktor seperti Micron, Infineon Technologies, ST Microelectronics, Venture Corporation dan Synopsys untuk melakar visi strategik industri semikonduktor di Malaysia.

"Industri semikonduktor dianggarkan bakal mencecah AS\$1 trillion pada 2030 berikutan peningkatan permintaan global.

"Oleh itu, penentuan visi strategik yang dapat menggunakan kelebihan sedia ada kita, terutamanya dalam 'back-end' dan reka bentuk litar bersepadu, mampu mewujudkan pekerjaan yang bergaji dan bernilai tinggi," katanya.

Rafizi menambah, Kementerian Ekonomi turut berjumpa dengan pelabur institusi yang mempunyai aset di bawah pengurusan antara RM180 billion dan RM3.2 trillion, dan bertukar pandangan mengenai situasi ekonomi serta politik semasa, di samping berkongsi pelan-pelan kementerian untuk tahun-tahun mendatang.

"Dalam perbincangan itu, Kementerian memberikan fokus kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang mampu memberi impak yang besar kepada ekonomi Malaysia dengan jumlah peluang pelaburan sebanyak RM637 billion," katanya.

Rafizi sebelum ini mengumumkan bahawa JMCIM bersetuju untuk mewujudkan sebuah pasukan petugas khas untuk mengkaji penubuhan zon ekonomi khas Johor-Singapura.

Tujuan zon ekonomi khas ini adalah untuk meningkatkan pelaburan dan pekerjaan berkualiti tinggi di Johor dan Singapura dengan memudahkan aliran pergerakan manusia, barangan serta perniagaan.